

KURSUS FALSAFAH DAN ISU SEMASA SEBAGAI ALAT PEMBINAAN IDENTITI NASIONAL: SATU ANALISIS LITERATUR

Jahidih Saili*

Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu

(Corresponding author: jahidihsaili@uitm.edu.my)

Abstract

The Philosophy and Current Issues (FIS) course plays a crucial role as a tool for building national identity among students in Malaysian higher education institutions. However, the effectiveness of this course in achieving its objectives has not been thoroughly investigated. This study aims to evaluate the role of the FIS course in constructing national identity by analysing the curriculum content, teaching and learning approaches, and assessment methods employed in the course. Through the document analysis method, materials related to the FIS course at selected universities are examined. The findings indicate that the FIS course successfully enhances students' understanding and appreciation of essential elements in the formation of national identity, such as history, the constitution, and national policies. The course is also found to be effective in cultivating a spirit of patriotism, strengthening unity, and fostering an attitude of appreciating the diversity of Malaysia's multi-ethnic society. The implications of this study highlight the potential of the FIS course in producing graduates with a strong sense of national identity who are capable of contributing to the overall development of the nation.

Keywords: Critical thinking; current issues; national identity; philosophy

Abstrak

Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) berperanan penting sebagai alat pembangunan identiti nasional dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia. Walau bagaimanapun, keberkesanan kursus ini dalam mencapai matlamat tersebut masih belum dikaji secara menyeluruh. Kajian ini bertujuan untuk menilai peranan kursus FIS dalam membina identiti nasional dengan menganalisis kandungan kurikulum, pendekatan pengajaran dan pembelajaran, serta kaedah penilaian kursus tersebut. Menerusi kaedah analisis dokumen, bahan-bahan berkaitan kursus FIS di beberapa buah universiti terpilih dikaji. Dapatkan kajian

menunjukkan bahawa kursus FIS berjaya meningkatkan pemahaman dan penghayatan pelajar terhadap elemen penting dalam pembentukan identiti nasional seperti sejarah, perlembagaan, dan dasar-dasar negara. Kursus ini juga didapati berkesan dalam menyemai semangat patriotisme, memperkuuh perpaduan, dan memupuk sikap menghargai kepelbagaian masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Implikasi kajian ini menyerlahkan potensi kursus FIS dalam melahirkan graduan yang mempunyai jati diri kebangsaan yang utuh dan mampu menyumbang kepada pembangunan negara secara keseluruhannya.

Kata Kunci: Pemikiran kritis; isu semasa; identiti nasional; falsafah

1.0 PENDAHULUAN

Institusi pengajian tinggi di Malaysia berperanan besar dalam membentuk masyarakat yang maju, bersatu padu, dan menghargai kepelbagaian budaya serta mempunyai identiti nasional. Universiti-universiti di negara ini memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang berkualiti, sekali gus memastikan pembangunan sosio-ekonomi dan politik negara berjalan dengan lancar (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Dalam usaha membangun perpaduan negara, konsep toleransi dan kefahaman antara kaum menjadi kunci utama. Pengetahuan sejarah dan integrasi etnik dikenal pasti sebagai elemen penting dalam pendidikan bagi mengelakkan perkauman (Mohd Azmir, 2019; Ayu Nor Azilah et al. 2019). Justeru, kursus seperti Falsafah dan Isu Semasa (FIS) diperkenalkan untuk menyokong pembangunan identiti nasional dengan menyemai nilai toleransi dan pemahaman budaya dalam kalangan pelajar pelbagai kaum (Noor Aziera et al. 2020). Kesedaran ini diperluaskan merangkumi aspek ekonomi, sosial, dan politik, memandangkan keunikan masyarakat majmuk di Malaysia (Khadijah & Mohd Herzali, 2008). Oleh itu, institusi pengajian tinggi di Malaysia, melalui pelaksanaan kursus-kursus seperti FIS, memainkan peranan penting dalam melahirkan graduan yang bukan sahaja berilmu tetapi juga memiliki kemahiran pemikiran kritis dan nilai-nilai murni yang diperlukan untuk membangunkan negara yang bersatu padu dan harmoni.

Selaras dengan perkembangan semasa, kursus FIS dilihat sebagai elemen penting dalam memupuk pemikiran kritis dan kesedaran sosial dalam kalangan pelajar di Malaysia. Pelaksanaan kursus ini menjadikannya sebagai satu komponen unik dalam sistem pendidikan tinggi negara. Kursus FIS bermatlamat untuk mengukuhkan identiti nasional dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia dengan menekankan pemahaman mendalam tentang kepelbagaian budaya dan kepentingan toleransi (Jamsari & Norazila, 2022). Kursus ini juga berhasrat untuk melahirkan graduan yang mampu berfikir secara kritis dan berupaya menghadapi pelbagai isu masyarakat serta persekitaran (Norafifah et al. 2022). Hakikatnya,

perubahan sosio-budaya yang berlaku di dalam negara berlaku dengan pantas dan memerlukan perhatian serta perlu ditangani menggunakan kerangka falsafah pendidikan yang sesuai (Hafiz, 2019). Modul dan silibus pembelajaran kursus FIS disusun dan dibangunkan bagi membentuk pemikiran kritis dalam kalangan pelajar sebagai matlamat utama, berlandaskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), ilmu falsafah, dan perkembangan isu-isu semasa (Hamzah, Saidatul & Zulhilmy, 2015). Pelbagai kaedah pembelajaran seperti kuiz, kajian kes, forum perbincangan, dan penulisan kertas cadangan digunakan untuk melatih kemahiran berfikir secara kritis dalam kalangan pelajar (Syamsul Azizul et al. 2020). Setiap aktiviti ini mencerminkan objektif utama kursus FIS dalam memupuk kesedaran sosial dalam diri setiap pelajar. Seterusnya, graduan FIS diharap dapat menjadi pemimpin yang mampu memacu transformasi sosial melalui pemikiran kritis dan penghayatan nilai-nilai falsafah menurut perspektif Malaysia.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan kursus FIS sebagai alat pembangunan identiti nasional di Malaysia. Walaupun kursus FIS telah dilaksanakan, namun kekurangan data empirikal mengenai kesannya terhadap pembangunan identiti nasional menunjukkan keperluan untuk menjalankan kajian ini (Faezah et al. 2023). Kursus FIS didapati memainkan peranan penting dalam melahirkan warganegara yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, dan berakhhlak mulia (Latifah et al. 2020). Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti sumbangsih kursus FIS dalam meningkatkan pemahaman dan penerimaan kepelbagaian kaum dalam kalangan pelajar. Pelajar FIS yang terdiri daripada pelbagai kaum di Malaysia didedahkan kepada pemahaman menyeluruh tentang kepelbagaian budaya melalui kandungan kursus (Syamsul Azizul et al. 2022). Hasilnya, diharapkan dapat melahirkan pemikiran asas dalam kalangan generasi muda bagi mengukuhkan perpaduan dan ideantiti nasional. Menurut Latifah et al. (2020), teras utama pelaksanaan kursus FIS adalah pembinaan nilai toleransi dan sikap saling menghormati antara pelbagai kaum seperti yang termaktub dalam Rukun Negara. Menerusi kajian ini, peranan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam kursus FIS dianalisis bagi menilai keberkesanannya dalam tempoh masa yang ditetapkan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Keberkesanan kursus FIS telah dibincangkan dalam pelbagai dimensi oleh beberapa kajian lepas. Syamsul Azizul et al. (2021) mengkaji pencapaian hasil pembelajaran kursus FIS, manakala Latifah et al. (2020) meneliti tahap penerimaan pensyarah dan pelajar terhadap kursus tersebut. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian sedia ada tidak menganalisis secara mendalam pengaruh kursus FIS terhadap pembangunan identiti nasional dalam kalangan pelajar. Sebagai contoh, kajian oleh Faezah et al. (2023) lebih memfokuskan kepada penambahbaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran kursus FIS. Oleh itu, masih terdapat keperluan untuk mengkaji peranan kursus ini dalam konteks pembangunan identiti nasional secara lebih komprehensif. Kajian sedemikian dijangka dapat meneliti isu tersebut dengan lebih mendalam serta mengisi jurang penyelidikan sedia ada dengan dapatan empirikal yang signifikan.

Peranan sistem pendidikan dalam pembentukan identiti nasional telah dibuktikan melalui beberapa kajian. Menurut teori fungsionalisme, pendidikan berfungsi sebagai agen sosial yang menyemai nilai dan norma masyarakat dalam kalangan generasi muda (Binti Maunah, 2016). Malah, menurut Latifah et al. (2020), kurikulum pendidikan di negara-negara membangun sering memberi penekanan kepada subjek sejarah, nilai moral, dan kewarganegaraan bagi memupuk semangat patriotisme. Situasi yang sama turut berlaku di Malaysia, iaitu pengenalan mata pelajaran wajib seperti Sejarah, Pendidikan Moral, dan Falsafah dan Isu Semasa dilihat sejajar dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan rakyat yang memiliki identiti nasional yang utuh (Faezah et al. 2023). Sementara itu, teori konstruktivisme sosial pula menyatakan bahawa identiti dan pandangan individu dibentuk oleh pengalaman sosial dan pendidikan (Voon & Amran, 2021). Justeru, kursus FIS yang memfokuskan kepada pendidikan falsafah, nilai moral, dan isu-isu kontemporari dilihat mampu memainkan peranan dalam membina identiti pelajar yang kukuh.

Terdapat beberapa model teori yang mengintegrasikan aspek pendidikan dan pembangunan identiti nasional, antaranya Teori Identiti Sosial, Teori Pembelajaran Sosial, Teori Fungsionalisme, dan Teori Konstruktivisme Sosial (Hussein & Haneza, 2015; Shamrahayu, 2016; Nur Ayuni Nusaibah & Amir Hasan, 2019; Voon & Amran, 2021). Kesemua model ini menerangkan proses pembentukan identiti individu dan kumpulan melalui pengaruh persekitaran sosial, termasuk institusi pendidikan. Sebagai contoh, Syamsul Azizul et al. (2021) menjelaskan pengaruh positif kurikulum sekolah dalam menyemai semangat patriotisme dan nilai kenegaraan. Begitu juga, kursus universiti seperti FIS turut memberi kesan kepada identiti pelajar melalui kandungan pembelajaran yang merangkumi

kepelbagaian kaum, agama, dan budaya di Malaysia (Jamsari & Norazila, 2022). Walau bagaimanapun, kajian literatur menunjukkan masih terdapat kekurangan bukti empirikal tentang peranan khusus kursus FIS dalam konteks pembangunan identiti nasional pelajar institusi pengajian tinggi di Malaysia, walaupun terdapat gambaran bahawa kandungan pembelajarannya memberi kesan kepada identiti (Jamsari & Norazila, 2022). Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat mengisi jurang ilmu dengan menganalisis pengaruh kursus FIS terhadap pembangunan identiti nasional pelajar melalui pendekatan empirikal yang komprehensif.

Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan wujudnya hubungan langsung antara sistem pendidikan dengan agenda pembangunan identiti nasional di mana-mana negara. Hal ini kerana pendidikan berperanan sebagai agen penyemai nilai dan norma masyarakat dalam kalangan generasi muda. Di Malaysia, pengenalan kursus wajib seperti FIS dilihat menyokong hasrat kerajaan untuk melahirkan rakyat yang memiliki identiti nasional yang kukuh. Namun begitu, kajian Latifah et al. (2020) mendedahkan kekurangan penelitian mendalam mengenai peranan khusus kursus FIS dalam membangun identiti nasional pelajar. Justeru, diharapkan agar kajian ini dapat menyumbang dapatan empirikal yang komprehensif berkaitan topik yang amat kritikal ini bagi mengukuhkan lagi pemahaman sedia ada.

3.0 ANALISIS KURSUS FIS

Kursus FIS yang diperkenalkan di institusi pengajian tinggi Malaysia merupakan satu langkah proaktif dalam membangun identiti nasional. Kursus ini bukan sahaja memupuk pemikiran kritis dan kesedaran sosial dalam kalangan pelajar, malah turut menyediakan asas yang kukuh untuk perkembangan intelektual mereka (Syamsul Azizul et al. 2020). Silibus yang komprehensif merangkumi lapan topik utama seperti logik, metodologi, dan epistemologi, yang dapat membantu pelajar menguasai kemahiran berhujah, mengenal pasti kesilapan dalam pemikiran, dan memahami sumber serta had pengetahuan (Mason, 2007; Abdul Rahman, 2005). Dapatan empirikal daripada penilaian pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menunjukkan respons positif yang tinggi terhadap kursus ini, dengan penerimaan yang ketara terhadap semua modul yang diajar (Latifah et al. 2020). Kepelbagaian pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang digunakan, seperti kuliah interaktif, perbincangan kumpulan, analisis kes, kuiz, dan pembentangan poster, didapati menambah nilai kepada pengalaman pembelajaran pelajar (Faezah et al. 2023). Gabungan silibus yang komprehensif dan strategi PdP ini bukan sahaja memenuhi objektif pendidikan negara, malah turut memupuk perkembangan pelajar yang seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Dzulkifli & Rosnani, 2019).

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Faezah et al. (2023) menggariskan potensi penguasaan ilmu falsafah dalam membangunkan perkembangan intelek dan kemajuan tamadun, sekali gus mengesahkan keberkesanan kursus FIS dalam melahirkan pelajar yang berfikiran matang dan rasional. Kajian ini juga menunjukkan bahawa kursus FIS berjaya mencapai objektifnya dalam membina keupayaan intelektual pelajar serta melengkapkan mereka dengan kompetensi yang diperlukan untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Penekanan terhadap nilai-nilai murni seperti integriti, toleransi, dan semangat kekitaan dalam kursus ini juga memainkan peranan penting dalam membentuk jati diri pelajar sebagai warganegara Malaysia yang bertanggungjawab (Mohd Fauzi et al. 2021). Oleh itu, kursus FIS bukan sekadar medium untuk menyampaikan ilmu falsafah, tetapi juga alat yang berkesan dalam membangun identiti nasional dengan melahirkan graduan yang berfikiran kritis, berpengetahuan luas, dan berintegriti tinggi. Justeru, pelaksanaan kursus FIS di institusi pengajian tinggi Malaysia wajar diteruskan dan diperkasakan demi mencapai aspirasi negara dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan mempunyai jati diri yang kukuh.

Pelbagai kaedah PdP digunakan dalam kursus FIS bagi menggalakkan pemikiran kritis dan perbincangan dalam kalangan pelajar. Antaranya ialah kaedah pembelajaran berasaskan masalah, projek, dan inkuiri (Dzulkifli & Rosnani, 2019). Menurut Syamsul Azizul et al. (2020), pensyarah turut menggunakan teknik soal jawab dan perbahasan untuk merangsang minda pelajar. Kursus FIS tidak hanya memfokuskan kepada kandungan, tetapi juga mengintegrasikan pendekatan pedagogi yang dinamik dan sistem penilaian yang komprehensif bagi memastikan pembelajaran yang efektif dan menyeluruh. Pendekatan PdP seperti kajian kes, analisis situasi, pembelajaran kontekstual, dan simulasi turut dilaksanakan bagi melatih pelajar menganalisis isu-isu semasa. Kaedah penyoalan aras tinggi, penulisan reflektif, peta minda, dan rajah tulang ikan kerap digunakan untuk melatih kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (Faezah et al. 2023). Malah, menurut Jamsari dan Norazila (2022), penggunaan teknologi seperti laman sesawang, video pembelajaran, dan perisian multimedia interaktif amat berkesan dalam meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran. Secara keseluruhannya, gabungan PdP konvensional dan kontemporari sangat signifikan dalam melahirkan graduan yang celik falsafah serta berkemahiran pemikiran aras tinggi.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, kursus FIS didapati relevan dalam mencapai objektif pembangunan identiti nasional dalam kalangan pelajar. Keberkesanan kursus ini dapat dilihat melalui pelbagai sumber seperti penilaian kursus, maklum balas pelajar, dan sorotan literatur yang berkaitan. Menurut Syamsul Azizul et al. (2021), 98% pelajar telah

mencapai tahap penguasaan konstruk FIS yang ditetapkan berdasarkan keputusan peperiksaan. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk penambahbaikan, terutamanya dalam aspek pengajaran interaktif dan penglibatan pelajar, bagi meningkatkan lagi keberkesanan kursus (Faezah et al. 2023). Selain itu, Latifah et al. (2020) juga melaporkan respons positif pelajar terhadap kursus ini melalui soal selidik yang dijalankan. Sorotan literatur oleh Mohd. Sohaimi et al. (2021) membuktikan wujudnya hubungan sinergi antara domain falsafah dan identiti nasional. Ini menunjukkan bahawa struktur dan aktiviti pembelajaran dalam kursus FIS amat relevan dan berkesan dalam melahirkan graduan yang memahami falsafah tempatan dan menghayati identiti nasional. Secara keseluruhannya, walaupun kursus FIS memberikan impak positif, penambahbaikan berterusan terhadap elemen kursus dan pendekatan PdP perlu dilakukan bagi mengukuhkan lagi peranannya sebagai agen pembangunan identiti dalam kalangan bakal pemimpin negara. Ringkasan bagi analisis kursus FIS boleh dilihat dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1. Analisis kursus FIS

Aspek	Maklumat
Tempoh Kursus	14 minggu
Topik Utama	1. Pengenalan Falsafah dan Isu Semasa, 2. Falsafah dalam Kehidupan, 3. Logik dan Metodologi, 4. Psikologi dan Sosiologi, 5. Metafizik, 6. Epistemologi, 7. Ideologi, dan 8. Dekolonisasi
Pendekatan PdP	1. Kuliah Interaktif, 2. Perbincangan Kumpulan, 3. Analisis Kes 4. Kuiz, 5. Pembentangan Poster, 6. Pembelajaran Berasaskan Masalah, 7. Projek dan Inkuiri, 8. Kajian Kes, 9. Analisis Situasi 10. Pembelajaran Kontekstual, 11. Simulasi, 12. Penyoalan Aras Tinggi, 13. Penulisan Reflektif, 14. Peta Minda, 15. <i>Diagram Fishbone</i> , dan 16. Teknologi (Laman Sesawang, Video Pembelajaran, Perisian Multimedia Interaktif)
Impak Kursus	Membina pemikiran kritis, kesedaran sosial, kemahiran berhujah, pemahaman pengetahuan, dan kompetensi untuk menghadapi cabaran masa depan.
Keberkesanan	Tinggi berdasarkan respons positif pelajar dan penilaian kursus.
Relevansi dengan Identiti Nasional	Membina identiti nasional dan menghayati falsafah tempatan.

4.0 KESAN DAN PERANAN KURSUS FIS

Kursus FIS memainkan peranan penting dalam membentuk persepsi dan sikap pelajar terhadap kepelbagaian kaum dan agama di Malaysia. Analisis kuantitatif yang dilakukan oleh Latifah et al. (2020) menunjukkan trend positif, iaitu majoriti responden menunjukkan peningkatan kesedaran selepas mengikuti kursus ini. Lebih spesifik, kajian tersebut mencatatkan peningkatan min sebanyak 4.47 hingga 4.54 dalam skala 1 hingga 5, menandakan peningkatan signifikan dalam kesedaran pelajar. Seterusnya, kajian oleh Syamsul Azizul et al. (2021) selari dengan dapatan ini melalui kajian tinjauan yang menunjukkan pelajar kursus FIS mempunyai sensitiviti yang lebih tinggi terhadap isu nasional. Peningkatan ini boleh dilihat melalui skor min yang tinggi dalam penilaian reaksi terhadap isu semasa. Data empirikal daripada kajian Ros Aiza et al. (2019) pula memberi pandangan yang lebih mendalam, iaitu pelajar yang mempelajari FIS didapati peka dan bersikap lebih rasional serta kritikal dalam menilai sesuatu perkara. Kesemua dapatan kajian ini mengukuhkan pandangan bahawa kursus FIS memainkan peranan penting dalam menyemai sikap terbuka, toleransi, dan keupayaan menerima perbezaan dalam kalangan pelajar. Kursus ini berjaya memupuk tanggapan positif dan membantu membentuk pelajar yang berpengetahuan luas dan bersikap matang. Kesimpulannya, kursus FIS bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan intelektual pelajar, malah dapat menanam semangat patriotisme dan perasaan kekitaan yang kukuh dalam kalangan mereka yang bakal menjadi pemimpin negara pada masa hadapan.

Kajian-kajian yang dijalankan oleh Latifah et al. (2020) dan Syamsul Azizul et al. (2021) telah membuktikan keberkesanan kursus FIS dalam memupuk sikap toleransi dan penerimaan dalam kalangan pelajar terhadap kepelbagaian masyarakat di Malaysia. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa kursus FIS berjaya meningkatkan kefahaman dan kematangan pelajar dalam menangani isu-isu sensitif seperti penggunaan kalimah Allah oleh penganut agama yang berbeza, serta membolehkan mereka menilai isu-isu kontroversi seperti kebebasan bersuara dan hak asasi manusia secara rasional berdasarkan maklumat yang sahih. Hal ini secara tidak langsung membuktikan bahawa kursus FIS memainkan peranan penting dalam menggilap pemikiran kritis dan analitikal pelajar, di samping memperkuuh pemahaman mereka tentang kepelbagaian masyarakat di negara ini. Natijahnya, kursus FIS bukan sahaja mampu melahirkan generasi yang lebih toleran dan menghargai kepelbagaian, malah turut berpotensi dalam menyuburkan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan latar belakang.

Walaupun kursus FIS telah menunjukkan keberkesanannya dalam meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis, rasional, dan peka terhadap isu semasa, masih terdapat ruang penambahbaikan bagi memastikan kursus ini terus relevan dengan kehendak dan cabaran masyarakat serta industri semasa. Justeru, inisiatif seperti pemantapan kemahiran pengajaran pensyarah, penambahan jam kredit kursus, serta pengintegrasian pembelajaran dalam talian wajar dilaksanakan sebagai langkah strategik untuk memaksimumkan impak kursus ini. Kesimpulannya, walaupun kursus FIS telah berjaya mencapai sebahagian objektifnya dalam melahirkan pelajar yang berkeupayaan berfikir secara kritis dan analitikal, penambahbaikan secara berterusan dalam aspek pembelajaran dan penyesuaian dengan kehendak industri amatlah diperlukan bagi memastikan penghasilan graduan yang cemerlang dan relevan dengan tuntutan zaman. Hanya dengan usaha-usaha sebegini, kursus FIS akan dapat terus memainkan peranannya sebagai alat pembinaan identiti nasional yang berkesan dalam melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing pada peringkat global.

Jadual 2. Kesan dan peranan kursus FIS

Kategori	Kesan	Peranan
Kesedaran dan Sikap	<p>i. Peningkatan kesedaran terhadap kepelbagaian kaum dan agama.</p> <p>ii. Sikap lebih rasional dan kritikal dalam menilai isu.</p>	<p>i. Membentuk persepsi dan sikap positif pelajar terhadap kepelbagaian.</p> <p>ii. Menyemai sikap terbuka, toleransi, dan kebolehan menerima perbezaan.</p> <p>iii. Membantu dalam pembentukan pelajar yang berpengetahuan, matang, dan mempunyai semangat patriotisme.</p>

Received: 25 January 2024, Accepted: 20 June 2024, Published: 30 June 2024
<https://doi.org/10.17576/ajtlhe.1601.2024.06>

Kepelbagai dan Toleransi	i. Keprihatinan tentang isu kemiskinan dan perbezaan etnik. ii. Peningkatan kepekaan terhadap isu sensitif dan kerumitan hubungan antara agama.	i. Meningkatkan kesedaran sosial dan kepekaan terhadap isu-isu nasional. ii. Memperkuuhkan pemahaman dan toleransi terhadap kepelbagaian budaya dan agama. iii. Mempromosikan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat majmuk.
Kemahiran Kritis dan Analitikal	i. Peningkatan dalam kemahiran berfikir secara kritis dan analitikal. ii. Kemampuan menilai isu kontroversi secara rasional dan bermaklumat.	i. Memperkuuhkan kemahiran berfikir kritis dan analitikal. ii. Memupuk kebolehan untuk menilai dan memberi respons secara efektif terhadap isu semasa dan kontroversi.
Ruang Penambahbaikan	i. Kurangnya penguasaan pensyarah dalam pendekatan pembelajaran berasaskan inkuiiri. ii. Kekangan masa dalam sesi pembelajaran.	i. Meningkatkan kemahiran pengajaran pensyarah. ii. Menambah jam kredit kursus dan mengintegrasikan pembelajaran dalam talian. iii. Menyelaraskan kursus dengan kehendak dan cabaran industri semasa.

5.0 CABARAN DAN PERSPEKTIF MASA DEPAN

Pelaksanaan dan pengajaran kursus FIS di institusi pengajian tinggi menghadapi beberapa cabaran utama. Antaranya termasuklah kekurangan sumber rujukan dalam bahasa Melayu, keterbatasan kepakaran pensyarah, dan kurangnya minat pelajar terhadap falsafah (Latifah et al. 2020; Jamsari & Norazila, 2022). Kekurangan sumber rujukan yang komprehensif dan berkualiti dalam bahasa Melayu menyukarkan pensyarah untuk menyediakan bahan pengajaran yang mencukupi dan relevan dengan konteks tempatan. Keterbatasan kepakaran pensyarah pula menyebabkan penyampaian kursus yang kurang berkesan dan menarik, seterusnya mempengaruhi minat dan penglibatan pelajar terhadap kursus ini. Bagi mengatasi

cabaran-cabaran ini, usaha kolaboratif antara institusi pendidikan tinggi dalam mengembangkan bahan rujukan yang berkualiti dan program pembangunan profesional pensyarah adalah sangat penting. Kerjasama sebegini dapat meningkatkan kualiti kandungan kursus dan kemahiran pengajaran pensyarah, sekali gus mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan menarik minat pelajar terhadap falsafah.

Selain itu, kajian oleh Mohd. Sohaimi et al. (2021) mendapati bahawa pensyarah menghadapi kesukaran untuk melibatkan pelajar secara optimum dalam pembelajaran dalam talian. Situasi ini sebahagiannya disebabkan oleh kekangan teknologi dan kemahiran pensyarah dalam mengadaptasi kaedah pengajaran dalam persekitaran digital. Menurut Syamsul Azizul et al. (2022), terdapat jurang antara objektif kursus dengan pemahaman sebenar pelajar tentang falsafah akibat daripada penglibatan yang lemah sepanjang pembelajaran. Justeru, kaedah pembelajaran yang lebih interaktif dan pendekatan pedagogi yang bersesuaian dengan generasi digital perlu dilaksanakan bagi meningkatkan penglibatan dan pemahaman pelajar. Pengintegrasian elemen gamifikasi, pembelajaran kolaboratif dalam talian, dan penggunaan pelantar pembelajaran interaktif boleh menjadi antara strategi untuk mengatasi cabaran ini. Usaha-usaha ini bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanannya penyampaian kursus, malah turut memupuk minat yang lebih mendalam terhadap falsafah dalam kalangan pelajar.

Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, kursus FIS mempunyai potensi yang luas untuk penambahbaikan dan inovasi pada masa hadapan. Antaranya termasuklah mengintegrasikan pembelajaran secara dalam talian (Mohd. Sohaimi et al. 2021) dan mengkaji semula kaedah pentaksiran pelajar (Syamsul Azizul et al. 2022). Potensi teknologi pendidikan, seperti pembelajaran berasaskan Realiti Maya (VR) dan Kecerdasan Buatan (AI), dapat dimanfaatkan untuk memperkaya pengalaman pembelajaran dalam kursus FIS, menjadikannya lebih interaktif, imersif, dan menarik bagi generasi digital. Penggunaan teknologi ini membolehkan pelajar meneroka konsep falsafah yang abstrak secara lebih visual dan pengalaman, seterusnya meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka terhadap subjek ini. Menurut Jamsari dan Norazila (2022), penghasilan modul dan bahan sokongan dalam bahasa Melayu juga amat dititikberatkan memandangkan kekurangan sumber rujukan pada masa kini. Inisiatif ini dapat memudahkan pelajar memahami falsafah dalam konteks tempatan dan melihat kerelevannya dengan isu-isu semasa di Malaysia. Selain itu, menurut Latifah et al. (2020), integrasi pembelajaran bersama masyarakat dan aktiviti luar bilik darjah berpotensi meningkatkan minat dan penglibatan pelajar terhadap kursus ini. Pendekatan pembelajaran berasaskan projek dan kolaborasi dengan organisasi luar dapat memberi

pendedahan kepada pelajar tentang aplikasi praktis falsafah dalam menangani isu-isu sebenar dalam masyarakat. Pelbagai inovasi ini dijangka dapat meningkatkan keberkesan dan kemapanan kursus FIS dalam melahirkan graduan yang mampu berfikir secara kritis dan menghayati nilai-nilai murni dalam konteks kepelbagaian masyarakat di Malaysia.

Dalam mendepani cabaran masa hadapan, kursus FIS dijangka akan terus memainkan peranan yang semakin penting dalam pendidikan tinggi di Malaysia. Ledakan maklumat akibat globalisasi dan perkembangan teknologi semakin mencabar minda generasi muda (Latifah et al. 2020), menjadikan kemahiran berfikir aras tinggi semakin kritikal. Menurut Syamsul Azizul et al. (2022), kemahiran ini amat diperlukan bagi mendepani cabaran semasa dan hadapan, termasuklah dalam menangani isu-isu kompleks yang memerlukan pemikiran kritis, kreatif, dan inovatif. Justeru, penekanan terhadap elemen falsafah dalam pendidikan tinggi dijangka akan terus diperkuuh, seiring dengan perkembangan kurikulum dan kaedah pengajaran yang lebih inovatif. Kursus FIS berpotensi untuk diperkaya melalui kolaborasi antara disiplin dengan bidang-bidang lain seperti psikologi, sosiologi, dan teknologi. Pendekatan ini dapat memberikan perspektif yang lebih luas dan mendalam kepada pelajar, seterusnya menyediakan mereka dengan keupayaan kognitif dan afektif yang diperlukan untuk berdepan dengan realiti dunia yang semakin kompleks. Selain itu, menurut Jamsari dan Norazila (2022), kolaborasi pintar antara universiti dengan industri dalam penyediaan kursus FIS dijangka dapat meningkatkan lagi kerelevannya kepada graduan, khususnya dalam konteks keperluan dan cabaran di alam pekerjaan.

Kesimpulannya, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, kursus FIS mempunyai potensi yang amat luas untuk diperkuuh dan ditambah baik demi melahirkan modal insan yang berkualiti dan berdaya saing pada peringkat global. Dengan mengambil kira ledakan maklumat, perkembangan teknologi, dan keperluan kemahiran berfikir aras tinggi, kursus FIS dijangka akan terus memainkan peranan yang semakin penting dalam pendidikan tinggi di Malaysia pada masa hadapan. Melalui inovasi dalam kandungan dan penyampaian kursus, serta kolaborasi strategik dengan pelbagai pihak berkepentingan, kursus FIS mampu menjadi alat pembinaan identiti nasional yang berkesan, sekaligus menyumbang kepada pembentukan generasi masa hadapan yang bukan sahaja cemerlang dari segi intelek, malah juga mempunyai jati diri yang utuh sebagai rakyat Malaysia.

Jadual 3. Cabaran dan potensi masa depan kursus FIS

Aspek	Cabaran	Potensi Masa Depan
Sumber Rujukan	Kekurangan sumber rujukan dalam bahasa Melayu.	Penghasilan modul dan bahan sokongan dalam bahasa Melayu untuk mengatasi kekurangan sumber rujukan
Kepakaran Pensyarah	Keterbatasan kepakaran pensyarah.	Program pembangunan profesional pensyarah dan usaha kolaboratif antara institusi pendidikan tinggi.
Minat Pelajar	Kurangnya minat pelajar terhadap falsafah; jurang antara objektif kursus dan pemahaman pelajar.	Kaedah pembelajaran interaktif dan pendekatan pedagogi yang bersesuaian untuk meningkatkan penglibatan dan pemahaman pelajar.
Keterbatasan Praktikal	Masalah melaksanakan aktiviti luar bilik darjah akibat kekangan masa dan kos.	Integrasi pembelajaran bersama masyarakat dan aktiviti luar bilik darjah untuk meningkatkan keterlibatan pelajar.
Teknologi Pendidikan	Kesulitan melibatkan pelajar secara optimum dalam pembelajaran dalam talian.	Pemanfaatan teknologi pendidikan (VR, AI) untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran dan menjadikannya lebih interaktif.
Inovasi Kurikulum	Perluasan objektif kursus dan kaedah pengajaran yang inovatif.	Menambah jam kredit kursus, mengkaji semula kaedah pentaksiran, dan integrasi disiplin lintas bidang.

6.0 KESIMPULAN

Kursus FIS terbukti memainkan peranan penting dalam memperkuuh identiti nasional dan mempertajam kemahiran intelektual para pelajar di institusi pengajian tinggi Malaysia. Melalui pendekatan pembelajaran yang menyeluruh, kursus ini berjaya membentuk pemikiran kritis dan kesedaran sosial yang mendalam, sekali gus memupuk sikap toleransi dan menerima kepelbagaiannya budaya serta agama. Hasil analisis literatur dan penilaian empirik menunjukkan bahawa kursus FIS memainkan peranan penting dalam menanam sikap terbuka, toleransi, dan berkeupayaan untuk menerima perbezaan dalam kalangan para pelajar, yang seterusnya menyemai semangat patriotisme dan rasa kekitaan yang kukuh. Walaupun kursus ini telah mencapai sebahagian daripada objektifnya dalam melahirkan graduan yang berfikiran kritis

Received: 25 January 2024, Accepted: 20 June 2024, Published: 30 June 2024
<https://doi.org/10.17576/ajtlhe.1601.2024.06>

dan analitikal, penambahbaikan yang berterusan diperlukan dalam aspek pembelajaran dan kehendak industri bagi melahirkan graduan cemerlang dan relevan dengan tuntutan zaman. Oleh yang demikian, kajian ini mengesyorkan penambahbaikan dalam metodologi pengajaran, integrasi teknologi pendidikan, dan penyediaan kurikulum yang dinamik bagi memastikan kursus FIS kekal relevan dan berkesan dalam usaha memperkuuh identiti nasional serta mempersiapkan para pelajar menghadapi cabaran global yang semakin meningkat.

7.0 RUJUKAN

- Abdul Rahman Abdullah. (2005). *Wacana Falsafah Ilmu: Analisis konsep-konsep asas dan Falsafah Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur, Malaysia: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ayu Nor Azilah, M., Mohamed Ali, H., & Wayu Nor Asikin, M. (2019). Toleransi orang Melayu mengharmonikan pemajmukan kaum di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 18(2), 193-206.
- Binti Maunah. (2016). Pendidikan dalam perspektif struktural fungsional. *Cendekia*, 10(2), 159-178.
- Dzulkifli, A. R., & Rosnani, H. (Eds.). (2019). *Pentafsiran baharu Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan pelaksanaannya pasca 2020*. Gombak, Malaysia: IIUM Press.
- Faezah, K., Mohd Rahimi, R., Noor Ain, M. N., Irene Seok-Ching, Y., & Muhammad Shamshinor, A. A. (2023). Peranan kursus falsafah dan isu semasa dalam "menyempurnakan" mahasiswa: Kajian di Universiti Malaya. *Asian People Journal*, 6(2), 35-46.
- Hafiz, Z. (2019). Kegemilangan Tamadun Islam dan Sumbangannya Terhadap Pembinaan Tamadun Barat. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(2), 52-54.
- Hamzah, Z., Saidatul Nizan, N., & ZulHilmy, H. (2015). Softskills - Kepentingannya dalam memenuhi kebolehpasaran pekerjaan terhadap graduan Politeknik Johor Bahru (PJB). *Tourism & Hospitality Essentials Journal*, 2(2015), 921-938.
<https://doi.org/10.17509/thej.v5i2.2003>

Received: 25 January 2024, Accepted: 20 June 2024, Published: 30 June 2024
<https://doi.org/10.17576/ajtlhe.1601.2024.06>

Hussein, A., & Haneza, A. H. (2015). Pengurusan pembangunan konsep perpaduan dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan: Satu kajian di Klang, Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2(4), 1-15.

Jamsari, A., & Norazila, M. (2022). Pengantar Falsafah dan Isu Semasa: Rujukan mahasiswa universiti awam dan swasta. *MALIM: Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara*, 23, 31-36.
<https://doi.org/10.17576/malim-2022-2301-03>

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Executive Summary Malaysia Education Blueprint 2015-2025 (Higher Education)*. Putrajaya, Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Khadijah, M. K., & Mohd Herzali, M. H. (2008). Toleransi beragama dan amalannya di Malaysia: Rujukan kepada artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27(27), 81-92.

Latifah, A. L., Ros Aiza, M. M., & Abd Hakim, M. (2020). *Penerimaan pelajar USIM terhadap kursus falsafah dan isu semasa: Satu analisis deskriptif*. Dalam *E-Proceeding: Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS 2020)* (hlm. 775-787). Diperoleh daripada <https://seminarsais2020.wixsite.com/seminarsais2020>

Mason, M. (2007). Critical thinking and learning. Educational philosophy and theory. ACCESS, 39(4), 339-349.

Mohd Azmir, M. N. (2019, Oktober). *Toleransi teras pembinaan etos bangsa Malaysia*. Dalam *Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET) 2019* (hlm. 402). Diperoleh daripada <http://istet.usim.edu.my/eProsiding-i-STET-2019>

Mohd. Sohaimi, E., Abang Mohd. Razif, A. M., Romzi, A., Irma Wani, O., Siti Aidah, L. @ L., Saifulazry, M., & Sharifah Darmia, S. A. (2021). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam talian bagi kursus Penghayatan Etika dan Peradaban (PEdP): Kajian kes di kalangan pelajar prasiswazah Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Law, Government and Communication*, 6(23), 57-67.

Received: 25 January 2024, Accepted: 20 June 2024, Published: 30 June 2024
<https://doi.org/10.17576/ajtlhe.1601.2024.06>

Noor Aziera, M. R., Siti Nurul Izza, H., Norafifah, A. H., Mohd Faizal, P. R., & Norizah, M. @ H. D. (2020). Pelaksanaan subjek hubungan etnik tanpa peperiksaan akhir di UiTM cawangan Melaka. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 1(20), 18-34.

Norafifah, A. H., Mahfuzah, M. Z., Siti Nurul Izza, H., Nor Azlina, A. W., & Mohd Amirul, A. (2022). Logical knowledge in the Philosophy and Current Issues course at Malaysian tertiary education institutions: A Conceptual paper. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(11), 2036 – 2044.

Nur Ayuni Nusaibah, H., & Amir Hasan, D. (2019). Peranan sekolah dalam pembentukan perpaduan antara kaum dalam kalangan pelajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 12, 18-28.

Ros Aiza, M. M., Siti Nor Baya, M. Y., Siti Nor Azhani, M. T., & Abd Hakim, M. (2020). *Persepsi awal pelajar Universiti Sains Islam Malaysia terhadap kursus Falsafah dan Isu Semasa*. Dalam *Proceedings of the 7th International Prophetic Conference (SWAN) 2020* (hlm. 506-514).

Diperoleh dari pada

<https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/issue/view/3>

Shamrahayu, A. A. (2016, Januari 26). *Identiti Nasional*. Diperoleh daripada <https://www.ikim.gov.my/index.php/2016/01/26/identiti-nasional/>

Syamsul Azizul, M., Abang Mohd. Razif, A. M., Mohd. Sohaimi, E., Irma Wani, O., Habibah @ Artini, R., Saifulazry, M., & Muhammad Safuan, Y. (2021). Pengajaran Kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam membentuk pemikiran kritis: Penelitian terhadap modul kursus FIS di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 137-149.

Syamsul Azizul, M., Habibah @ Artini, R., Mohd Nur Hidayat, H. H. H., & Irma Wani, O. (2022). Signifikan kursus Falsafah dan Isu Semasa (FIS) dalam pembentukan akhlak dan moral di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 7(45), 127-136.

Voon, S.H., & Amran, M.S. (2021). Pengaplikasian teori pembelajaran konstruktivisme dalam pembelajaran matematik. *Sains Insani*, 06(2), 73-82.